



SARAWAK

**PENYATA RASMI PERSIDANGAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

DEWAN UNDANGAN NEGERI OFFICIAL REPORTS

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA
Second Meeting of the Second Session

8 hingga 17 November 2017

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS
EIGHTEENTH SARAWAK STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY

JUMAAT

10 NOVEMBER 2017

(21 SAFAR 1439H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **8 Disember 2017**

KANDUNGAN

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

(83)	Skim Perumahan Sewa Beli.....	1
(84)	Pentauliahan Penceramah Agama Islam.....	2
(85)	Tapak Perindustrian Di Song.....	4
(86)	Naik Taraf Trek Lumba Balapan Kompleks Sukan Betong.....	5
(87)	Dilapidated Schools In Sarawak.....	6
(88)	Jalan Pesisir Pantai Di Kawasan Dun Daro.....	7
(89)	Illegal Loggings.....	8
(90)	Cadangan Projek Menaik Taraf Jalan Bajau/Kampung Kupang.....	9
(91)	Technical And Vocational Education And Training.....	10
(92)	Membaik Pulih Sekolah Di Dun Krian.....	11
(93)	Peruntukan Untuk Projek-Projek Perparitan Dan Saliran	12
(94)	Penerima Bantuan Pertanian Di Dun Engkilili.....	13
(95)	Rubber Wood Processing Plants In Sibu.....	14

PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018), 2017 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PEMBANGUNAN BAGI PERBELANJAAN (2018)

[Sambungan Perbahasan]

(1)	Y.B. Encik Chong Chieng Jen.....	16
(2)	Y.B. Puan Hajah Simoi Binti Haji Peri.....	20
(3)	Y.B. Encik Safiee Bin Ahmad.....	25
(4)	Y.B. Datuk Ding Kuong Hiing.....	31
(5)	Y.B. Encik Baru Bian.....	35
(6)	Y.B. Y.B. Datuk Sebastian Ting Chiew Yew.....	41
(7)	Y.B. Ir Lo Khere Chiang.....	47
(8)	YB Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor.....	51
(9)	Y.B. Puan Violet Yong Wui Wui.....	54

PENANGGUHAN MESYUARAT	59
------------------------------------	-----------

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN BELAS
PenyataRasmi

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA

Jumaat, 10 November 2017

Dewanbermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada jam 9.10pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	YANG BERTHORMAT DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ASFIA BIN AWANG NASSAR, D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K. <i>Speaker Dewan Undangan Negeri</i>	
2.	YANG BERTHORMAT DATO GERAWAT GALA, P.B.K., P.S.B.S. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri</i>	<i>N.78 Mulu</i>
3.	YANG AMAT BERTHORMAT DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG, D.P., D.A., P.N.B.S., J.B.S. <i>Ketua Menteri</i> <i>Menteri Kewangan dan Perancang Ekonomi</i> <i>Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli</i>	<i>N.8 Satok</i>
4.	YANG BERTHORMAT DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS, D.A., P.N.B.S., P.G.B.K. <i>Timbalan Ketua Menteri</i> <i>Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	YANG BERTHORMAT TAN SRI DATUK AMAR DR JAMES JEMUT ANAK MASING, D.A., P.S.M., P.N.B.S., P.B.S. <i>Timbalan Ketua Menteri</i> <i>Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan</i>	<i>N.64 Baleh</i>
6.	YANG BERTHORMAT DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH BIN ALI HASAN, D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Ketua Menteri</i> <i>Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II</i> <i>Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
7.	YANG BERTHORMAT DATO SRI WONG SOON KOH, P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S. <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa dan E-Dagang</i> <i>Menteri Kewangan II</i>	<i>N.53 Bawang Assan</i>

8. YANG BERHORMAT DATO SRI MICHAEL MANYIN ANAK JAWONG,
P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.P.T., P.P.D. (Emas)
Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi N.21 Tebedu
9. YANG BERHORMAT DATO SRI HAJAH FATIMAH ABDULLAH,
P.N.B.S., P.G.B.K.
Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak N.56 Dalat
10. YANG BERHORMAT SENATOR DATUK PROF. DR SIM KUI HIAN,
P.J.N.
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan N.14 Batu Kawah
11. YANG BERHORMAT DATO SRI DR STEPHEN RUNDI ANAK UTOM, P.N.B.S., P.J.N., P.P.D., A.B.S.,
Menteri Utiliti Sarawak N.69 Kemena
12. YANG BERHORMAT DATUK HAJI TALIB BIN ZULPILIP,
P.G.B.K., P.B.K., P.P.B., P.P.D., P.P.S.
Menteri di Pejabat Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) N.67 Jepak
13. YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL KARIM RAHMAN HAMZAH,
P.G.B.K., P.B.S.
Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan N.15 Asajaya
14. YANG BERHORMAT DATUK JOHN SIKIE ANAK TAYAI,
P.B.S., P.J.N.
Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Undang-Undang Adat dan Bumiputera) N.60 Kakus
15. YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD. NARODEN HAJI MAJAIS,
P.G.B.K., P.B.S.
Menteri Muda Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Usahawan
Menteri Muda E-Dagang N.26 Gedong
16. YANG BERHORMAT DATUK FRANCIS HARDEN ANAK HOLLIS,
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S.
Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti N.32 Simanggang
17. YANG BERHORMAT DATUK LEE KIM SHIN,
P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S.
Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan N.75 Senadin
18. YANG BERHORMAT DATUK HAJI JULAIHI BIN HAJI NARAWI,
P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D.
Menteri Muda Jalan Pesisir N.27 Sebuyau
19. YANG BERHORMAT DATUK DR JERIP ANAK SUSIL,
P.G.B.K., A.M.N.
Menteri Muda Pengangkutan N.19 Mambong
20. YANG BERHORMAT DATUK LIWAN LAGANG,
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S.
Menteri Muda Bekalan Air N.65 Belaga
21. YANG BERHORMAT PUAN HAJAH ROSEY BINTI HAJI YUNUS,
P.P.S., P.P.B., J.B.K., P.B.E.
Menteri Muda Wanita Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak N.71 Bekenu

22. YANG BERHORMAT DATU HAJI LEN TALIF SALLEH,
D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar N.41 Kuala Rajang
23. YANG BERHORMAT DATUK ROLAND SAGAH WEE INN,
P.G.B.K., J.B.K., P.B.S.
Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat N.20 Tarat
24. YANG BERHORMAT DR HAJI ABDUL RAHMAN HAJI JUNAIDI,
J.B.S., A.B.S.
Menteri Muda Elektrik Luar Bandar N.4 Pantai Damai
25. YANG BERHORMAT PUAN HAJAH SHARIFAH HASIDAH BINTI SAYEED AMAN GHAZALI,
P.T.E.
Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Undang-Undang, Hubungan Negeri dan Persekutuan dan Pemantauan Projek) N.7 Samariang
26. YANG BERHORMAT ENCIK MALCOM MUSSEN ANAK LAMOH,
P.B.S., P.T.E.
Menteri Muda Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
27. YANG BERHORMAT DR HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ISMAIL,
A.B.S., P.T.E.
Menteri Muda Pertanian N.79 Bukit Kota
28. YANG BERHORMAT DR HAJI ANNUAR BIN RAPA'EE,
P.T.E.
Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam N.55 Nangka
29. YANG BERHORMAT DATU DR PENGUANG MANGGIL,
D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B.
Menteri Muda Kerajaan Tempatan N.76 Marudi
30. YANG BERHORMAT DATUK SNOWDAN LAWAN
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Menteri Muda Belia dan Sukan N.30 Balai Ringin
31. YANG BERHORMAT ENCIK ABDULLAH BIN HAJI SAIDOL,
P.T.E.
Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Korporat) N.42 Semop
32. YANG BERHORMAT TAN SRI WILLIAM MAWAN ANAK IKOM,
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) N.47 Pakan
33. YANG BERHORMAT DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D (Emas) N.3 Tanjung Datu
34. YANG BERHORMAT DATUK AMBROSE BLIKAU ANAK ENTURAN,
P.G.B.K., P.B.S., A.M.N. N.62 Katibas
35. YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN AZIZ,
P.G.B.K., J.B.S., P.P.B., P.P.D. N.38 Kalaka
36. YANG BERHORMAT DATUK MONG ANAK DAGANG,
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D. N.31 Bukit Begunan
37. YANG BERHORMAT DATO SRI HAJI MOHAMMAD ALI MAHMUD,
P.N.B.S., D.S.A.P., S.I.M.P., P.P.D. N.17 Stakan

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 38. | YANG BERHORMAT DATO RANUM ANAK MINA,
K.M.N., A.M.N., K.P.K., P.J.M., P.P.S., P.P.A., B.B.S., A.B.S., P.S.B.S. | <i>N.1 Opar</i> |
| 39. | YANG BERHORMAT PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI,
P.T.E., J.B.K. | <i>N.28 Lingga</i> |
| 40. | YANG BERHORMAT ENCIK PAULUS PALU GUMBANG,
A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. | <i>N.80 Batu Danau</i> |
| 41. | YANG BERHORMAT ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK
NGIPA,
P.T.E. | <i>N.33 Engkilili</i> |
| 42. | YANG BERHORMAT ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT,
K.M.N., P.T.E., P.B.K. | <i>N.49 Ngemah</i> |
| 43. | YANG BERHORMAT DR HAJI HAZLAND BIN ABANG HIPNI,
P.T.E. | <i>N.5 Demak Laut</i> |
| 44. | YANG BERHORMAT ENCIK MARTIN BEN
P.T.E. | <i>N.22 Kedup</i> |
| 45. | YANG BERHORMAT IR AIDEL BIN LARIWOO,
P.T.E., P.B.S. | <i>N.24 Sadong Jaya</i> |
| 46. | YANG BERHORMAT ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM,
P.T.E. | <i>N.35 Saribas</i> |
| 47. | YANG BERHORMAT ENCIK RIPIN BIN LAMAT,
J.B.K., P.T.E. | <i>N.72 Lambir</i> |
| 48. | YANG BERHORMAT ENCIK DENNIS NGAU,
P.T.E. | <i>N.77 Telang Usan</i> |
| 49. | YANG BERHORMAT ENCIK CHONG CHIENG JEN | <i>N.12 Kota Sentosa</i> |
| 50. | YANG BERHORMAT ENCIK CHIEW CHIU SING | <i>N.68 Tanjong Batu</i> |
| 51. | YANG BERHORMAT ENCIK BARU BIAN | <i>N.81 Ba'Kelalan</i> |
| 52. | YANG BERHORMAT PUAN VIOLET YONG WUI WUI | <i>N.10 Pending</i> |
| 53. | YANG BERHORMAT ENCIK SEE CHEE HOW | <i>N.11 Batu Lintang</i> |
| 54. | YANG BERHORMAT TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR,
P.T.E., P.B.S. | <i>N.29 Beting Maro</i> |
| 55. | YANG BERHORMAT ENCIK YUSSIBNOSH BALO | <i>N.57 Tellian</i> |
| 56. | YANG BERHORMAT DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG,
D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. | <i>N.16 Muara Tuang</i> |
| 57. | YANG BERHORMAT DATUK SEBASTIAN TING CHIEW YEW,
P.J.N., A.B.S., D.I.M.P. | <i>N.73 Piasau</i> |
| 58. | YANG BERHORMAT DATUK TIONG THAI KING,
J.B.S., P.G.B.K. | <i>N.52 Dudong</i> |
| 59. | YANG BERHORMAT DATO' SRI HUANG TIONG SII,
D.I.M.P., S.S.A.P. | <i>N.45 Repok</i> |
| 60. | YANG BERHORMAT DATO HENRY HARRY ANAK JINEP,
P.S.B.S., A.B.S. | <i>N.2 Tasik Biru</i> |
| 61. | YANG BERHORMAT DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA
BIN JAYA,
DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P. | <i>N.44 Jemoreng</i> |
| 62. | YANG BERHORMAT DATUK DING KUONG HIING,
A.B.S., P.J.N. | <i>N.46 Meradong</i> |

63.	YANG BERHORMAT ENCIK ALI ANAK BIJU	<i>N.39 Krian</i>
64.	YANG BERHORMAT ENCIK WONG KING WEI	<i>N.9 Padungan</i>
65.	YANG BERHORMAT ENCIK DAVID WONG KEE WOAN	<i>N.54 Pelawan</i>
66.	YANG BERHORMAT PUAN IRENE MARY CHANG OI LING	<i>N.51 Bukit Assek</i>
67.	YANG BERHORMAT DR TING TIONG CHOON	<i>N.74 Pujut</i>
68.	YANG BERHORMAT IR LO KHERE CHIANG, B.B.S.	<i>N.13 Batu Kitang</i>
69.	YANG BERHORMAT ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG,	<i>N.61 Pelagus</i>
70.	YANG BERHORMAT ENCIK MIRO ANAK SIMUH	<i>N.18 Serembu</i>
71.	YANG BERHORMAT ENCIK JOHN ANAK ILUS, A.P.S.	<i>N.23 Bukit Semuja</i>
72.	YANG BERHORMAT ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN	<i>N.6 Tupong</i>
73.	YANG BERHORMAT ENCIK AWLA BIN DRIS, A.B.S.	<i>N.25 Simunjan</i>
74.	YANG BERHORMAT ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT, B.B.S., P.B.S., K.M.N.	<i>N.63 Bukit Goram</i>
75.	YANG BERHORMAT ENCIK GERALD RENTAP JABU, A.B.S., P.P.N., J.B.K.	<i>N.36 Layar</i>
76.	YANG BERHORMAT IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG, P.B.K.	<i>N.59 Tamin</i>
77.	YANG BERHORMAT ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN	<i>N.48 Meluan</i>
78.	YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI	<i>N.58 Balingian</i>
79.	YANG BERHORMAT ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD	<i>N.43 Daro</i>
80.	YANG BERHORMAT ENCIK CHUKPAI UGON, P.P.N., A.B.S.	<i>N.66 Murum</i>
81.	YANG BERHORMAT ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG, A.B.S.	<i>N.50 Machan</i>
82.	YANG BERHORMAT ENCIK MAJANG ANAK RENGGI, P.B.K., A.B.S.	<i>N.70 Samalaju</i>
83.	YANG BERHORMAT ENCIK MOHD CHEE BIN KADIR, A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S.	<i>N.40 Kabong</i>

TURUT HADIR

1. ENCIK SEMAWI BIN HAJI MOHAMAD
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. CIK SHARIFAH SHAZZEA BINTI WAN AKIL
Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. INSP.JOHARI BIN MUDIN
Bentara Mesyuarat

4. INSP. ROSTAM BIN MORAT
Bentara Mesyuarat
5. INSP. EDEN ANAK DERBEN
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

- | | | |
|----|--------------------------------------|------------------------------------|
| 1. | AZREEN FASYA BINTI MOHAMAD ABU BAKAR | <i>Pejabat Peguam Besar Negeri</i> |
| 2. | EMMA KATI ANAK PANDANG | <i>Pejabat Peguam Besar Negeri</i> |
| 3. | HRRISON ANAK ARIS | <i>Pejabat Peguam Besar Negeri</i> |

RAKAMAN PROSIDING

- | | | |
|----|----------------------------------|--------------------------|
| 1. | ENCIK MARZUKI BIN ABDUL HAMID | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 2. | ENCIK HUSSIEN HAJI SHUINI | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 3. | ENCIK EDWIN JAMBOL ANAK RADIN | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 4. | ENCIK SYED FAIZAL BIN WAN DAHLAN | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 5. | CIK NORDIANA BINTI RABAE | <i>Jabatan Penyiaran</i> |

JURUTRENGKAS

- | | | |
|-----|---|---|
| 1. | PUAN BEATRICE DINUS | <i>Jabatan Imigresen Sarawak</i> |
| 2. | PUAN BERNADETTE WILLON | <i>Jabatan Kastam DiRaja Malaysia</i> |
| 3. | PUAN DAYANG DURAIZA BINTI HAJI AWANG JANGKA | <i>Lembaga Sumber Aslidan Alam Sekitar Sarawak</i> |
| 4. | PUAN DZURIDAH BINTI HAJI SARIEE | <i>Kementerian Pembangunan Perindustrian & Usahawanan</i> |
| 5. | PUAN JULIANA LUGOM | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 6. | PUAN KHADIJAH KHAIDER | <i>Jabatan Akauntan Negeri Sarawak</i> |
| 7. | PUAN LEIDIANA BINTI AZAHARI | <i>Kementerian Utiliti Sarawak</i> |
| 8. | CIK LILIAN BIAN | <i>Jabatan Penerbangan Awam</i> |
| 9. | PUAN MARIA JAMALI | <i>Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)</i> |
| 10. | CIK MERI SABAS | <i>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i> |
| 11. | PUAN ROSLINE DOMINIC MAON | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 12. | PUAN ROSEMARY LANGUB | <i>Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</i> |
| 13. | PUAN SHARLINA BINTI MUSHAR | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak</i> |
| 14. | PUAN TAMENTHI KOMARUSAMY | <i>Unit Perancang Negeri</i> |
| 15. | PUAN VALARIE JANE AITMAN | <i>Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak</i> |
| 16. | PUAN VALERIE SUDAN | <i>Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak</i> |
| 17. | PUAN WINNIE ANAK ANSELM GREM | <i>Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak</i> |
| 18. | CIKNUR XYALIHIN BINTI JAMEL | <i>Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 19. | PUAN ASHIKIN BINTI AHMAD | <i>Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 20. | PUAN NUR IZZATUL FATIHAH ABDULLAH | <i>Jabatan Kerja Raya</i> |
| 21. | ENCIK ROLAND AYAK | <i>Jabatan Penjara Negeri Sarawak</i> |
| 22. | ENCIK MOHAMAD ALFADZER BIN TUAH | <i>SALCRA</i> |
| 23. | NOORINA BINTI HAMDAN | <i>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i> |

PEMBACA PRUF

1. PUAN DAYANG NORAZAN KARTINI BINTI DATO PENGIRAN HAJI ZEN *Dewan Bahasa dan Pustaka*
2. ENCIK SHAMSUL IDZHAM JAMIL *Dewan Bahasa dan Pustaka*
3. ENCIK ABDUL RASHID BIN SUBET *Dewan Bahasa dan Pustaka*

JURUTEKNIK & JURUCETAK

1. ENCIK FELIX ANGGANG *SAINS*
2. ENCIK SYORDI LOKMAN *SAINS*
3. ENCIK SORDI SERUJI *SAINS*
4. ENCIK NOR PAWI *SAINS*
5. ENCIK ARQAM BIN NASIR *Jabatan Ketua Menteri
(Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri)*

MESSENGER

1. ENCIK ABANG SAFRY BIN ABANG BOHARI *Jabatan Agama Islam Sarawak*
2. ENCIK HERMAN BIN SISS *Jabatan Agama Islam Sarawak*
3. ENCIK MOKSEN BIN SION *Jabatan Agama Islam Sarawak*
4. ENCIK JUNAIDI BIN SAMSUDIN *Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan*
5. ENCIK CHRISTOPHER NYENGGANG ANAK JAMESON BUAU *Jabatan Muzium Sarawak*
6. ENCIK IDERIS BIN LAMIT *Jabatan Pertanian Sarawak*
7. ENCIK MOHAMED NAZEERUDIN BIN GULAM MOHAMED *Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah*

STAF DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. PUAN MAGDALEN NANGKAI
2. CIK NORIA BINTI SUUT
3. CIK NUR AZIRA BINTI ABDUL KADIR
4. PUAN SITI NORHIZA BINTI MOHD YUSRI
5. PUAN HANISAH ABDULLAH
6. CIK ILY LYANA BINTI ROSLI
7. CIK NUR SHALAZIA BINTI MORSHIDI @ RAMZI
8. ENCIK RASDI BIN AHMAD @ TARENCE BOBBY JOHNNY
9. PUAN MARY KUEH WOON SIM
10. PUAN NORZIANA BINTI HAJI AHMAD
11. ENCIK HARRY HAROLD DAUD
12. PUAN KATHELINE KILLAH
13. PUAN NUR ELIANA ABDULLAH
14. PUAN NAZMAH BINTI DARHAM
15. PUAN TRACY LYANA ANAK BANA
16. ENCIK RAZALI BIN AWI
17. ENCIK ZAHARI BIN BOLHI
18. ENCIK LUKAS JAMMANY ANAK KATED
19. ENCIK MOHAMAD ZAILANI BIN JUNAIDI
20. ENCIK HAZRIN SYAH BIN HAMZAH
21. ENCIK ALWIE BIN HAJI ALI
22. CIK HAWA BINTI MORSAD
23. PUAN SURAYA BINTI HAMDEN
24. PUAN NORAISAH BINTI AHMAD
25. CIK SITI ZALILAH BINTI SAMSAWI

(Mesyuarat dimulakan pada jam 9:10 pagi)

[Tuan Speaker *mempengerusikan Mesyuarat*]

DOA

PEMASHYURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismilahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakathuh, selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Haji Idris Bin Haji Buang, Muara Tuang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

SKIM PERUMAHAN SEWA BELI

(83) **Y.B. Dato' Haji Idris Bin Haji Buang** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan: Adakah Kementerian Perumahan bercadang untuk memperluaskan skim perumahan sewa-beli dalam kawasan-kawasan cepat membangun seperti Muara Tuang untuk menampung kehendak yang semakin ketara dalam kalangan golongan pekerja yang memerlukan? Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ada sedikit pantun.

Abang Jamel bermadu tiga;
Kesukaannya asam pedas ikan haruan;
Soalan saya nombor 83;
Mohon Dato' Menteri beri pencerahan.

Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi dan Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam (Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapae): Terima kasih Yang Berhormat bagi Muara Tuang. Madu tiga ataupun soalan 83? Tuan Speaker, di Sarawak melalui Perbadanan Perumahan Negeri Sarawak iaitu HDC kita mempunyai empat (4) program untuk mengatasi masalah perumahan:

- (i) Program Perumahan Rakyat - Ini dibahagikan kepada dua (2), untuk disewa dan untuk dijual. Rumah yang untuk disewa itu adalah untuk transit sahaja sementara untuk dijual yang berbentuk landed property. Ini adalah untuk golongan yang berpendapatan rendah;
- (ii) Program Rumah Mampu Milik - Ini adalah untuk golongan di bandar yang tidak dapat membeli rumah daripada pihak swasta disebabkan harga yang tinggi dan juga untuk golongan pendapatan rendah;
- (iii) Rumah Spektra Permata - Satu lagi program yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, iaitu Rumah Spektra Permata. Rumah Spektra Permata ini boleh dibangunkan di skim Pembangunan Campuran HDC ataupun Skim Pembesaran Kampung dan juga Skim Pembangunan Bandar oleh LCDA;
- (iv) Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia - Satu lagi Perumahan yang akan dijalankan iaitu atas kerjasama dengan pihak persekutuan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad yang kita namakan Rumah Mesra Rakyat 1

Malaysia. Ini juga boleh dibangunkan di tapak individu yang mempunyai geran ataupun TOL dan juga boleh dibangunkan di Skim Pembesaran Kampung dan juga di kawasan-kawasan tanah dimiliki LCDA.

Jadi, empat (4) program ini adalah merupakan program yang boleh mengatasi masalah perumahan, tetapi untuk soalan ini tadi iaitu soalan adakah boleh dibenarkan sewa-beli? HDC belum lagi menjalankan program tersebut.

Y.B. Dato' Haji Idris Bin Haji Buang: (*Soalan Tambahan*)

- a) PPR untuk disewa merupakan rumah transit yang disediakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah yang belum mampu membeli rumah. Berapakah tempoh penyewaan yang dibenarkan dan berapakah kadar sewa yang dikenakan? Apakah keutamaan untuk memiliki PPR untuk dijual yang dibangunkan oleh HDC?
- b) Apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina PPR untuk dijual dikawasan DUN Muara Tuang? Apakah syarat-syarat untuk memiliki PPR untuk dijual? Terima kasih.

Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam (Y.B. Dr Haji Annuar bin Rapae): Memang benar rumah PPR yang disewa merupakan transit untuk sementara bagi golongan berpendapatan rendah yang belum mencukupi wang untuk membeli rumah tersebut. Maka, HDC telah menetapkan penyewa tersebut boleh diberi tempoh selama 6 tahun dan kadar sewanya adalah RM150 sebulan. Syarat untuk memiliki rumah tersebut adalah warganegara Malaysia. Kalau dia bertukar kerakyatan, saya tidak tahu boleh atau tidak dan yang kedua adalah berpendapatan kasar kurang daripada RM3000 dan tidak melebihi umur 65 tahun dan juga tidak mempunyai harta atau rumah di kawasan-kawasan lain.

Untuk kawasan Kota Samarahan atau Muara Tuang, HDC telah menyediakan sebanyak 180 unit rumah tersebut untuk dijual kepada masyarakat di kawasan Muara Tuang. Sekian, terima kasih.

PENTAULIAHAN PENCERAMAH AGAMA ISLAM

(84) **Y.B. Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda Bin Jaya** bertanya kepada Ketua Menteri:

- (a) Apakah reaksi Kerajaan terhadap pihak-pihak yang menimbulkan *hatred* dan *sectarian* dalam ceramah agama Islam yang disampaikan penceramah jemputan yang dibimbangi tidak bertauliah?
- (b) Bagaimanakah sistem pentauliahan ini diuruskan selaras dengan kehendak undang-undang?
- (c) Berapakah yang diberikan dan ditamatkan untuk pentauliahan tersebut?

Menteri Muda Elektrik Luar Bandar (Y.B. Dr Haji Abdul Rahman Haji Junaidi): Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jemoreng, Kerajaan sentiasa memantau ceramah-ceramah yang disampaikan oleh para penceramah di Negeri Sarawak. Hanya penceramah yang diberikan tauliah dibenarkan untuk menyampaikan ceramah di Negeri ini. Setakat ini, belum ada aduan diterima berkaitan dengan kandungan ceramah yang berbentuk *hatred* dan *sectarian*.

Permohonan pentauliahian diuruskan mengikut Arahan Pentadbiran Pentauliahian Mengajar Agama Islam, 2014 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Bilangan 4, Tahun 2014 berdasarkan peruntukan sub-seksyen 58 (1) (d) Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

Bagi menjawab soalan C dari Ahli Yang Berhormat Jemoreng, sehingga 31 Oktober 2017, seramai 356 penceramah telah diberikan tauliah untuk tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Seramai 285 orang masih sah sebagai penceramah bertauliah di Negeri Sarawak manakala seramai 71 orang telah tamat tempoh tauliah mereka. Dan daripada angka ini penceramah dari luar Negeri adalah seramai 141 orang, penceramah daripada luar Negara seramai 69 orang, manakala penceramah tempatan seramai 146 orang, jumlahnya adalah seramai 356 orang penceramah. Terima kasih.

Y.B. Dato' Murshid Diraja Dr Juanda Bin Jaya: *(Soalan Tambahan)* Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

1. Apakah ada kemungkinan lulusan Sarjana Muda Pengajian Islam dan ke atas dari Universiti-Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia akan mendapat tauliah mengajar agama secara automatik memandangkan kelulusan pengajian agama telah diakui oleh Pusat Pengajian Tinggi Islam yang diiktiraf?
2. Bagaimanakah kawal selia dilakukan terhadap Jawatankuasa Pemberian Tauliah Mengajar Agama Islam yang diurusetikan oleh pihak Jabatan Agama Islam Sarawak, kerana dibimbangi berlaku ketirisan dalam pemberian tauliah kerana saya pernah mendapat aduan tentang seorang penceramah dari Singapura dibenarkan berceramah agama di Sarawak sedangkan di Singapura beliau hanya diberikan tauliah mengajar mengaji al Quran sahaja oleh pihak Majlis Ugama Islam Singapura dan tidak diberi tauliah untuk mengajar agama?

Menteri Muda Elektrik Luar Bandar (Y.B. Dr Haji Abdul Rahman Haji Junaidi): Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jemoreng. Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan pertama daripada Yang Berhormat Jemoreng, sebagai pihak yang diberi amanah dan kuasa untuk menjaga kesucian Islam serta keharmonian dalam kehidupan beragama masyarakat Islam khususnya dan masyarakat bukan Islam amnya yang kadang kala terkesan dengan ceramah yang tidak menjaga sensitiviti beragama, jawatankuasa dan panel pentauliahian Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak atau JAIS adalah bertanggungjawab menjalankan amanah berdasarkan garis panduan yang telah pun ditetapkan. Memiliki sarjana pengajian Islam bukanlah merupakan tiket untuk berceramah sesuka hati kepada khalayak masyarakat Islam di Sarawak tetapi lebih berat daripada itu mempunyai rasa tanggungjawab menjaga kesefahaman dan perpaduan dalam kehidupan masyarakat itu sendiri.

Bertitik tolak daripada itu antara garis panduan berikut menjadi pertimbangan setelah meneliti dan menyiasat latar belakang seseorang pemohon. Antaranya ialah:-

1. Menyampaikan ceramah umum mengenai apa-apa aspek Agama Islam atau mengajar Agama Islam berdasarkan al-Quran, as-Sunnah, Ijma' dan Qias dan prinsip ahli sunnah wal jamaah serta tidak membawa fahaman ataupun ajaran salah;
2. Berakhlak mulia dan amanah pada pandangan masyarakat umum;

3. Menjalankan daya usaha untuk mengekalkan, memperbaiki dan mengukuh persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam;
4. Mendorong kejayaan dalam kehidupan dunia di samping sentiasa mengajak kepada amalan dan taqwa mereka kepada Allah s.w.t;
5. Tidak membidaah amalan masyarakat Islam yang telah diharuskan oleh syariat Islam dan ulamak terdahulu serta memfitnah saudara Islam yang lain;
6. Mematuhi undang-undang Negara atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang dikeluarkan oleh Majlis dan Jawatankuasa dari semasa ke semasa;
7. Mendapat sokongan berceramah dari Ketua Jabatan / majikan masing-masing; dan
8. Tidak boleh menyentuh mana-mana parti politik, mengkritik dasar Kerajaan.

Sesungguhnya cabaran mengekalkan keharmonian dan perpaduan dalam kehidupan masyarakat Islam dan bukan Islam di Sarawak bukanlah tugas yang mudah. Malah sudah banyak cubaan dilakukan pihak tertentu untuk memecah tradisi yang mendisiplinkan masyarakat Islam di Sarawak sehingga kekal pada saat ini.

Untuk menjawab soalan kedua daripada Yang Berhormat Jemoreng, iaitu isu berkaitan dengan penceramah warga Singapura seperti yang telah disebutkan tadi. Hasil semakan yang telahpun dilakukan di peringkat jabatan, kesemua warganegara luar yang diberikan tauliah mengajar agama di Negeri Sarawak telah memenuhi syarat-syarat yang telahpun ditentukan mengikut Arahan Pentadbiran Pentauliahan Mengajar Agama Islam, 2014. Walaupun begitu, pihak Majlis Islam menerusi Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak akan sentiasa melakukan pemantauan terhadap semua pemegang-pemegang tauliah ini tidak kira warga tempatan mahupun warganegara luar agar tidak berlaku sebarang penyelewengan khususnya ajaran-ajaran salah yang akhirnya boleh mengganggu gugat keharmonian perpaduan masyarakat berbilang kaum di Negeri Sarawak. Terima kasih.

TAPAK PERINDUSTRIAN DI SONG

(85) **Y.B. Datuk Ambrose Blikau Enturan** bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan: Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menyediakan tapak perindustrian di Song?

Menteri Muda Industri dan Pelaburan (Y.B. Encik Malcom Mussen Anak Lamoh): Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Katibas. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Katibas, sebuah kawasan telah dikenal pasti untuk tapak perindustrian di Song. Kementerian saya sedang memohon peruntukan di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-11 yang akan datang.

Y.B. Datuk Ambrose Blikau Enturan: (*Soalan Tambahan*) Thank you, Tuan Speaker. Terima kasih, Menteri. Di manakah tapak yang telah, that has been identified for the development of the industrial area in Song dan selain daripada itu, menyedia tapak perindustrian usahawan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan di Song. Apakah program-program pembangunan usahawan yang dapat dijalankan pada masa yang terdekat memandangkan Song sekarang reachable by road through timber road from Sibul, lot of, ramai orang datang dari Kapit, dari Sibul berkumpul di Song especially weekend. Thank you.

Menteri Muda Industri dan Pelaburan (Y.B. Encik Malcom Mussen Anak Lamoh): Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Katibas. Bagi soalan tambahan pertama, Kementerian saya boleh mempertimbangkan untuk membina sebuah Anjung Usahawan di Song, yang akan menempatkan usahawan-usahawan setempat untuk beroperasi dengan sewa yang kompetitif di lokasi yang strategik. Lokasi yang telah ditetapkan telah dikenal pasti, tetapi oleh kerana peruntukan bagi kawasan tersebut belum diluluskan, oleh itu, Anjung Usahawan ini akan berfungsi sebagai tempat untuk pengumpulan, pemprosesan, pemasaran dan pengagihan bagi produk-produk keluaran tempatan terutamanya usahawan dari Song dan sekitarnya.

Bagi soalan tambahan kedua, Kementerian boleh juga menyediakan program pembangunan kapasiti dalam pelbagai bentuk seperti road show usahawan, latihan berpusat, program pembangunan produk dan promosi untuk meningkatkan kemahiran usahawan di Song. Kementerian akan berusaha untuk mengadakan program-program tersebut dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

NAIK TARAF TREK LUMBA BALAPAN KOMPLEKS SUKAN BETONG

(86) **Y.B. Encik Gerald Rentap Jabu** bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan: Apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf trek lumba balapan di Kompleks Sukan Betong yang telah rosak dan tidak selamat untuk kegunaan kejohanan balapan?

Menteri Muda Belia dan Sukan (Y.B. Datuk Snowdan Lawan): Terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman bagi Yang Berhormat daripada Layar, kementerian telah pun memohon peruntukan untuk membaik pulih dan menaik taraf trek lumba balapan di Kompleks Sukan Betong di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Yang Kesebelas. Terima kasih.

Y.B. Encik Gerald Rentap Jabu: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih Yang Berhormat Menteri Muda. Tahniah juga atas lantikan. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

1. What is the estimated cost of the improvement works for the running track and when will it be implemented?
2. Memandangkan Dewan Tan Sri Kalong sebagai salah satu daripada venue untuk mengadakan perjumpaan ataupun program-program kita di Betong, saya bertanya, adakah kementerian akan menyelenggara dewan tersebut termasuk juga mengecat dan membaiki apa-apa serba kekurangan sekarang?

Menteri Muda Belia dan Sukan (Y.B. Datuk Snowdan Lawan): Terima kasih Ahli Yang Berhormat. The estimate cost to build the running track is about RM2 million and the cost is depend on the civil works such as the RC drain, the road and the level of the track to be adjusted and for the second one, the Ministry is aware that the dewan is need to repainted, need to be repair and therefore the Ministry has requested for the fund under the midterm review for the RMK-11. Thank you very much.

DILAPIDATED SCHOOLS IN SARAWAK

(87) **Y.B. Encik See Chee How** asked the Minister for Education, Science and Technological Research: What is the financial package proposal and plans agreed between the State and Federal Government on the rebuilding, reconstruction and upgrading of all dilapidated schools in Sarawak and the projected completion date?

Minister for Education, Science and Technological Research (Y.B. Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong): Terima kasih Tuan Speaker. For the information of Ahli Yang Berhormat for Batu Lintang, upon request by the State Government, the Federal Government has agreed to allocate RM1 Billion in 2018 budget to address the issue of the Lapidated School in Sarawak. The detail of funding and more of implementation is still under the negotiation and will be finalize soon. The RM1 Billion is to be used for two years that is 2018 and 2019.

Y.B. Encik See Chee How: (*Supplementary Questions*) Thank you, Tuan Speaker. Thank you Honourable Minister. I have two supplementary questions.

1. The number of schools identified for repair in the building in 2018, the time line for project commencement and completion?
2. I hope the Honourable Minister will enlighten this House of the State Government initiative with regards to allow the Government school how would initiative implemented in 2018 to help resolving the problem of high number dilapidated school and the lack of best learning facilities. Thank you.

Minister for Education, Science and Technological Research (Y.B. Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong): Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat for Batu Lintang. The time frame actually depends on the amount of fund. But the RM1 Billion given to us is supposed to be used for two years that is 2018 and 2019 but because there are too many dilapidated schools in Sarawak we have 1454 school, 190 are secondary and 1264 are primary schools and out of which 1020 are considered by the department as the dilapidated and 415 are considered critically dilapidated meaning that they cannot be repair it is only can be replace, rebuilt or new site. So the department has actually identified 205 schools to be included in the RMK-11 that's mean using the normal allocation. So the remaining 110 schools will be implemented through the special funding as a known YB at the Prime Minister during the National Budget 2018 and we are in the process of trying to identified the school which are considered as priorities and one of the things that we are thinking of is to centralised the school because we have too many small schools that's called S.K.M less than 150 students. Some of them even have 10 students only or 20 students. So all these we have to think of centralising them and that is not that easy task. We have lab with all the ADUN already, the response to us very positive but we are yet to get to the parents.

So, what we are going to do is to give every rural constituency one centralised school and that again is depending on the response of the parents. If the parents do agree, then we will start building the centralised school as early as next year or early next year and that will become a model and those who disagree, we will wait and let them see the model. So if you want Ahli Ahli Yang Berhormat, for us to build a centralised school in your area, can you please help us to convince the parents because we believe that small school can never perform in any developing countries?

In developed countries small is beautiful, because they have the resources like Australia, New Zealand, Finland, and Ireland. They have the resources. Secondly, the environment is very conducive, Thirdly, the parents are highly educated. So they can help the teachers and fourthly they can afford to actually provide the specialist teachers for the key subject but in the case of Sarawak we just can't afford. So I would like to urge all the Ahli Yang Berhormat to convince parents so that we go for centralisation.

JALAN PESISIR PANTAI DI KAWASAN DUN DARO

(88) **Y.B. Encik Safiee Bin Haji Ahmad** bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan: Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyiapkan jalan pesisir pantai termasuk jambatan di kawasan DUN Daro dan bilakah ianya boleh disiapkan?

Menteri Muda Jalan Pesisir (Y.B. Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi): Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Daro.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Daro, Kerajaan Negeri memang peka dengan kehendak rakyat Negeri Sarawak yang tinggal di kawasan pesisiran pantai termasuk pekan-pekan seperti Sematan, Asajaya, Sadong Jaya, Sebuyau, Meludam, Kabong, Mukah, Balingian, Bintulu dan seterusnya hingga ke Miri.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sedang giat berusaha untuk merealisasikan pembinaan jalan pesisiran pantai bagi mempercepatkan pembangunan sosial ekonomi di kawasan tersebut sejajar dengan usaha Kerajaan untuk melipat gandakan pembangunan di kawasan luar bandar selaras dengan hasrat untuk menjadikan Negeri Sarawak Negeri maju dalam masa hadapan.

Perancangan Kerajaan Negeri kini adalah untuk membina dan menyiapkan jambatan-jambatan yang terletak di laluan jalan pesisiran pantai yang kini masih menggunakan perkhidmatan feri dan juga untuk menyiapkan jaringan yang terputus ataupun *missing link*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jambatan-jambatan yang telah siap ataupun sedang dalam proses pembinaan disepanjang laluan jalan pesisiran pantai adalah seperti berikut:

1. Jambatan Batang Sadong dan Jambatan Kuala Tatau telahpun siap dibina;
2. Jambatan Batang Samarahan masih dalam proses pembinaan sekarang pada kadar 85 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan untuk membina jambatan-jambatan yang berikut:

1. Jambatan Batang Rambungan;
2. Jambatan Batang Lupar;
3. Jambatan Saribas;
4. Jambatan Sungai Krian;
5. Jambatan Batang Rajang termasuk jajaran *missing link* dari Jalan Pasi ke Jalan Tanjung Manis;
6. Jambatan Batang Paloh;
7. Jambatan Muara Lasa;
8. Jambatan Kuala Igan; dan

9. Jambatan Kemena di Jepak, Bintulu.

Selain daripada itu, Kerajaan juga mempunyai cadangan untuk menaik taraf jalan dari Tanjung Kidurong ke Samalaju kepada jalan 4-Lorong Dua Hala yang kini semakin sesak. Cadangan untuk menyiapkan keseluruhan jambatan-jambatan yang telah diluluskan di sepanjang laluan jalan pesisiran pantai termasuk *missing-link* yang kita maksudkan tadi dijangka dapat kita siapkan menjelang tahun 2023. Ini jangkaan kita dari sudut perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan. Terima kasih.

Y.B. Encik Safiee Bin Haji Ahmad (Soalan Tambahan): Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

1. Berapakah anggaran kos keseluruhan bagi menyiapkan jaringan jambatan-jambatan dan *missing link* di sepanjang laluan jalan pesisiran pantai;
2. Bilakah kedua-dua Jambatan Batang Paloh dan Jambatan Muara Lasa dijangka akan dapat bermula pembinaannya dan berapakah anggaran kos kedua-dua jambatan tersebut.

Menteri Muda Jalan Pesisir (Y.B. Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi): Terima kasih Yang Berhormat bagi Daro. Untuk menjawab soalan pertama saya sukacita memaklumkan disini bahawa ini adalah anggaran kos yang dikira buat masa kini untuk menyiapkan pembinaan jambatan-jambatan yang telah diluluskan dan juga menyiapkan jalanraya yang kita anggapkan sebagai *missing link* atau jaringan yang terputus dianggarkan berjumlah RM4.27 billion. Ini anggaran kita.

Untuk menjawab soalan kedua, Jambatan Batang Paloh dan Jambatan Muara Lasa kita jangka boleh bermula pembinaannya pada tahun 2019 dan anggaran kos bagi tiap-tiap satunya ialah untuk Jambatan Batang Paloh kita anggarakan ianya menelan kos sebanyak RM520 juta dan bagi Jambatan Muara Lasa dianggarkan dengan kos RM660 juta. Terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Dudong.

ILLEGAL LOGGINGS

(89) **Y.B. Datuk Tiong Thai King** to ask the Minister for Urban Development and Natural Resource:

1. How many illegal logs are confiscated by the Government this year and how much is the estimated value?
2. How does the Government take effective actions to stop illegal logging?

Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (Y.B. Datu Haji Len Talif Salleh): Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat bagi Dudong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Dudong, dari Januari hingga Oktober tahun 2017 tahun ini, Kerajaan telah berjaya merampas sebanyak 10,783 batang kayu balak bersamaan dengan 10,405.3218 meter padu dengan nilai royalti sebanyak RM676,345. Untuk menjawab soalan kedua, pelbagai cara, kaedah dan pendekatan telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani dan memastikan kegiatan pembalakan haram dapat dihentikan ataupun dikurangkan diantaranya ialah:

- i. Kerajaan juga aktif dalam melaksanakan inisiatif dibawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang melibatkan pelbagai agensi-agensi Negeri

dan persekutuan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Cooperation dan juga Malaysian Anti Corruption Commission (MACC) dan juga Jabatan Ketua Menteri Sarawak;

- ii. Mengadakan sekatan-sekatan jalan raya dan sungai-sungai yang berlaluan utama pergerakan kayu balak;
- iii. Penubuhan 48 pusat pemeriksaan setempat One Stop Compliance Centre (OSCC) yang lebih dekat dengan kawasan perbalakan untuk memantau pengeluaran dan pergerakan balak serta menguatkuasa akan Ordinan Perhutanan; dan
- iv. Membuat tinjauan secara kerap daripada udara dengan menggunakan teknologi yang terkini seperti penggunaan drone, *hyperspectral* dan *compact airborne tactical system*.

Y.B. Datuk Tiong Thai King: (*Soalan Tambahan*) Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

1. Berapa bilangan kes kesalahan hutan yang didakwa di Mahkamah oleh Kerajaan pada tahun 2014 hingga 2017?
2. Berapa jumlah operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Hutan Sarawak serta jumlah kertas siasatan yang telah dibuka pada tahun 2017.

Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (Y.B. Datu Haji Len Talif Salleh): Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih pada Ahli Yang Berhormat bagi Dudong. *Allow me to answer the question number 2.*

First, setakat ini sebanyak 528 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Hutan Sarawak daripada jumlah ini sebanyak 40 kertas siasatan telah dibuka untuk tindakan selanjutnya dan untuk menjawab soalan kedua. Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat bagi Dudong sejak 2014 hingga Oktober 2017 sebanyak 17 kes telah didakwa di Mahkamah manakala 10 kes telah dijatuhkan hukuman atau selesai manakala 7 kes lagi masih dalam proses perbicaraan.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Datuk Abdul Wahab Aziz, Kalaka.

CADANGAN PROJEK MENAIK TARAF JALAN BAJAU/KAMPUNG KUPANG

(90) **Y.B. Datuk Haji Abdul Wahab Bin Aziz** bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan: Apakah kedudukan terkini berkaitan dengan permohonan atas cadangan projek menaik taraf Jalan Bajau/Kampung Kupang sejauh 20km dan membina jambatan dari Pekan Saratok menyeberangi ke Kampung Kupang?

Menteri Muda Jalan Pesisir (Y.B. Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi): Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kelaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kelaka, projek jalan dari Kampung Kupang ke simpang Jalan Bajau, Seratok dan jambatan sungai Krian Seratok telah diluluskan di bawah *Rolling Plan Two* Rancangan Malaysia Ke Sebelas oleh Kementerian Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Kerajaan Negeri melalui JKR kini menunggu keputusan daripada KKLW sama ada projek ini boleh dilaksanakan dalam empat pakej ataupun sebaliknya.

Y.B. Datuk Haji Abdul Wahab Bin Aziz: (*Soalan Tambahan*) Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

1. Berapakah kos pembelajaan bagi cadangan menaik taraf jalan dari Kampung Kupang ke Pekan Saratok?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan empat pakej seperti yang dimaksudkan tadi itu. Terima kasih.

Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (Y.B. Datu Haji Len Talif Salleh): Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kelaka. Untuk menaik taraf jalan dari Kampung Kupang ke Pekan Saratok ianya dijangkakan menelan kos sebanyak RM32 juta. Itu untuk menjawab soalan yang pertama. Untuk soalan tambahan yang kedua, empat pakej yang dimaksudkan ialah empat pembahagian skop kerja yang, empat peringkat melaksanakan kesemua cadangan-cadangan yang telah diluluskan oleh pihak KKLW.

Yang meliputi pertama cadangan menaik taraf jalan sepanjang 9 kilometer dari Kampung Kupang ke Pekan Saratok. Ini pakej yang pertama. Pakej yang kedua meliputi cadangan membina jambatan menyeberang Sungai Krian sepanjang 300 meter dan juga pembinaan jalan akses baharu menuju ke jambatan sepanjang 1.5 kilometer dan pakej yang ketiga meliputi cadangan untuk menaik taraf Jalan Bajau ke Simpang Kupang sepanjang 11 kilometer dan pakej yang ke empat yang dimaksudkan ialah cadangan menaik taraf jalan pintas dari Kampung Kupang ke Jalan Pusa sepanjang 6 kilometer. Ini yang dimaksudkan dengan 4 pakej pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh pihak KKLW. Terima kasih.

TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING

(91) **Y.B. Dr Haji Hazland Bin Abang Hipni** asked the Minister for Education, Science and Technological Research: Does the State Government plan to institutionalize Technical and Vocational Education and Training (TVET)?

Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi (Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapee): Thank you Ahli Yang Berhormat for Demak Laut. Tuan Speaker, for the information of Ahli Yang Berhormat for Demak Laut, the State Government recognises that the industrial and commercial development of Sarawak and will need a workforce that is knowledgeable, skilled and agile. To achieve this, the State has taken the following steps to institutionalize TVET such as:

1. Of course, the most important one is the setting up the Ministry of Education, Science and Technological Research that formulate policies to ensure the proper development of technical training in the State;
2. We form the Tabung Ekonomi Gagasan Anak (Bumiputera) Sarawak (TEGAS) which was established in 2012 to promote and create awareness among our youths on TVET;
3. To expand the capacity of TVET institutions in the State by setting up new campuses of State owned institutions such as Centre of Technical

Excellence Sarawak (CENTEXS) and Sarawak Skills Development Centre or Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS);

4. We also facilitate the expansion of federal technical training institutions such as Kolej Vokasional, Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Advanced Technology Training Centre (ADTEC);
5. And also to strengthen the engagement of TVET institutions and industries. This is important to ensure that after graduation our youth will have a job and to ensure that the training provided by the institutions are relevant and meet the needs of the industries;
6. And also to gain the support and provide places for on-the-job training (OJT) and internship for the trainees;
7. Another thing is to expand the scope of Yayasan Sarawak's financial assistance for TVET programs such as Pinjaman Pendidikan Teknikal; and
8. Finally to ensure that the training provided are accredited and recognized not only by the local agencies but also the international bodies. Thank you.

Y.B. Dr Haji Hazland Bin Abang Hipni: (*Supplementary Question*) Terima kasih Yang Berhormat Menteri Muda. I have two supplementary questions. Number one is how many TVET institutions are there in Sarawak? How is the classification and how is the system? And my second question is, what is the total capacity and annual output of all the TVET's insitution in Sarawak? Thank you.

Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi (Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapee): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. There are a total of 75 TVET's institutions that offer courses at a certification level as well as diploma. This can be divided into public institution, whereby 54 of them in Sarawak and there are 21 private institution total up to 75 and these of course are divided into the State, or like what I have said just now, the CENTEXS as well as PPKS, and Federal, which is more and with regards to capacity the total capacity of both the private and as well as the public institutions offering both certificate and diploma level programs 21,825 and by the year of 2017, we have about 15,573 trainees and the total output is 8,265. In other words we still have a lot of places more for our youths. I would urge all the Yang Berhormat to help and to ensure that most of the youth are getting proper information regarding this TVET training. Thank you.

MEMBAIK PULIH SEKOLAH DI DUN KRIAN

(92) **Y.B. Encik Ali Anak Biju** bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi:

- (a) Berapakah jumlah peruntukan untuk membaik pulih Sekolah Rendah dan Menengah di DUN Krian pada 3 tahun yang lepas?
- (b) Berapakah peruntukan untuk membaik pulih sekolah pada tahun 2017 ini?

Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi (Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapee): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Krian. Ingin saya maklumkan di sini bahawa walaupun Krian adalah kawasan pembangkang, tetapi Kerajaan kita Barisan Nasional tidak mempolitikkan pendidikan. Maka saya nak nyatakan di sini bahawa

banyak peruntukan yang telah diberi kepada kawasan Krian terutamanya dalam bidang pendidikan.

Bagi tahun 2015, Krian telah mendapat peruntukan sebanyak RM815,000 untuk baikpulih sekolah. Pada tahun 2006 peruntukan sebanyak RM247,000, Manakala tahun 2017 mendapat peruntukan RM746,000 dan jumlahnya RM1.8 juta. Jadi saya rasa, Krian bernasib baiklah juga kerana mendapat peruntukan yang begitu besar.

Untuk jawapan kedua, pada tahun 2017 kita mendapat peruntukan sebanyak RM22 juta untuk membaik pulih sekolah di seluruh Sarawak sebelum peruntukan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

Y.B. Encik Ali Anak Biju: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih ya. Saya ada dua soalan tambahan. Berapa buah sekolahkah di Krian yang bertaraf sekolah daif atau *dillipated school* dan soalan kedua adakah Kerajaan memberi peruntukan untuk kegiatan kokurikulum seperti sukan dan pembelian peralatan pengajaran seperti *photoState machine, paper* untuk sekolah-sekolah?

Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi (Y.B. Dr Haji Annuar Bin Rapee): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Krian, sebanyak 33 buah sekolah yang kita klasifikasikan sebagai sekolah daif di Krian tapi sekolah ini telah mendapat peruntukan yang telah saya sebutkan tadi dan di Krian juga mendapat 25 buah sekolah kurang murid dan kita telah mencadangkan agar 11 sekolah central akan diwujudkan untuk Krian tetapi tertakluk kepada keutamaan. Seperti yang disebutkan oleh Menteri tadi, supaya Ahli Yang Berhormat memastikan yang mana diberi *priority* dahulu untuk digabungkan terutamanya sekolah-sekolah daif yang disebutkan tadi.

Untuk menjawab soalan yang kedua, adakah peruntukan dari segi pembelian tersebut sememangnya ada di setiap sekolah diberi tetapi ada juga yang tidak mencukupi. Ini hakikatnya. Tetapi saya percaya Ahli Yang Berhormat pun boleh menyumbang dalam dana-dana tersebut. Terima kasih.

PERUNTUKAN UNTUK PROJEK-PROJEK PERPARITAN DAN SALIRAN

(93) **Y.B. Ir Aidel Lariwoo** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dapatkah pihak kerajaan memberi peruntukan khas bagi menambah baik sistem perparitan dan saliran di kawasan secara menyeluruh? Jika dapat, berapakah anggaran jumlah yang akan diagihkan bagi setiap kawasan di luar bandar?

Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada serangkap pantun. Pakcik Dollah berbini tiga, soalan saya nombor 93.

Menteri Muda Kerajaan Tempatan (Y.B. Datu Dr Penguang Manggil): Terima kasih Tuan Speaker, Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Sadong Jaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sadong Jaya, buat masa ini terdapat dua saluran peruntukan khas untuk membiayai projek-projek perparitan dan saliran di seluruh Negeri Sarawak iaitu peruntukan di bawah *Rural Transformation Project (RTP)* dan *Cabinet Committee on Rural Transformation Initiative under Key Result Area No.7* iaitu *Flood Mitigation* selain daripada peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli.

Pada tahun 2017 sebanyak 185 projek perparitan dan saliran dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM61.6 juta yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan, *Drainage and Irrigation Department (DID)* dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Terima kasih.

Y.B. Ir Aidel Lariwoo: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih Yang Berhormat Menteri Muda di atas jawapan dan penerangan tadi, walau bagaimanapun saya ada dua soalan tambahan:

- i. Apakah projek perparitan yang diluluskan di kawasan saya, Dewan Undangan Negeri Sadong Jaya; dan
- ii. Apakah kemajuan ataupun status projek pemulihan sistem perparitan dan saliran di kawasan Dewan Undangan Negeri Sadong Jaya di Skim Blok 4 yang juga meliputi dua kawasan ini di Asajaya dan Sadong Jaya. Terima kasih.

Menteri Muda Kerajaan Tempatan (Y.B. Datu Dr Penguang Manggil): Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Sadong Jaya. Pada tahun 2017 ada empat projek perparitan yang telah diperuntukkan kepada kawasan Yang Berhormat iaitu:

- i. Iaitu bina parit konkrit Kampung Semera Lot sebanyak RM255,000.00;
- ii. Bina parit konkrit Kampung Semera Hilir berjumlah RM204,000.00;
- iii. Bina parit konkrit Kampung Seberang Masjid sebanyak RM255,000.00;
dan
- iv. Bina parit konkrit Kampung Ulu Semera berjumlah RM204,000.00.

Keempat-empat projek tersebut dijangka siap pada pertengahan bulan hadapan kecuali projek bina parit konkrit Kampung Ulu Semera yang dijangka akan siap pada awal tahun depan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sadong Jaya, bagi menjawab soalan yang kedua projek pemulihan sistem perparitan dan saliran di Asajaya, *Drainage Irrigation Scheme Block 4* Kawasan Dewan Undangan Negeri Sadong Jaya ini dilaksanakan oleh *Drainage and Irrigation Department* (DID). Setakat ini *Drainage and Irrigation Department* (DID) telah membelanjakan sebanyak RM1.75 juta untuk menjalankan kerja penyelenggaraan rutin ke atas skim ini.

Kebanyakan infrastruktur yang terdapat di dalam skim tersebut sudah menjangkau usia lebih daripada 30 tahun dan berada di dalam keadaan yang using yang memerlukan pembaharuan. Anggaran kos yang diperlukan bagi projek pemulihan keseluruhan skim tersebut adalah sebanyak RM20 juta. Kerajaan melalui *Drainage and Irrigation Department* (DID) akan terus berusaha untuk memohon peruntukan sama ada daripada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat bagi menampung keperluan ini.

PENERIMA BANTUAN PERTANIAN DI DUN ENKKILILI

(94) **Y.B. Encik Johnichal Rayong Anak Ngipa** bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

Berapakah jumlah pekebun kecil yang menerima Bantuan Kerajaan pada 5 tahun yang lepas bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Engkilili berdasarkan kategori berikut:

- i. Penanaman lada;
- ii. Kelapa sawit;
- iii. Getah mini; dan
- iv. Ternakan haiwan.

Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat (Y.B. Datuk Roland Sagah Wee Inn): Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili, jumlah pekebun kecil yang menerima bantuan kerajaan berdasarkan kategori tanaman atau ternakan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Engkilili dari tahun 2012 hingga 2016 adalah RM1667 orang peserta. Penerimaan bantuan ini terdiri daripada 848 peserta bagi tanaman lada, 522 peserta bagi tanaman sawit, 250 peserta bagi tanaman getah dan 47 peserta bagi ternakan haiwan.

Y.B. Encik Johnichal Rayong Anak Ngipa: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Muda. Tuan Speaker saya ada 2 soalan tambahan.

1. Adakah pihak kerajaan akan merancang untuk membina sebuah collection centre bagi membeli hasil-hasil pertanian di kawasan Engkilili khasnya dan Sarawak amnya?
2. Apakah pihak kerajaan akan bercadang untuk membantu para petani, pekebun kecil membina jalan-jalan ladang mereka bagi membawa produk-produk hasil tanaman, ternakan mereka untuk dipasarkan. Terima kasih.

Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat (Y.B. Datuk Roland Sagah Wee Inn): Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat daripada Engkilili. Kajian akan dibuat untuk melihat bagaimanakah dan adakah perlu membuat satu pusat pengumpulan di kawasan Engkilili kerana ini juga tidak berjauhan dengan pusat pengumpulan yang akan dibuat di Layan nanti dan untuk soalan yang kedua, *what was the question just now? The question?*

Y.B. Encik Johnichal Rayong Anak Ngipa: Saya ulang lagi Tuan Speaker.

- ii. Apakah kerajaan akan bercadang untuk membantu para petani, pekebun kecil membina jalan-jalan ladang mereka bagi membawa produk-produk hasil pertanian tanaman dan ternakan mereka untuk dipasarkan. Terima kasih.

Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat (Y.B. Datuk Roland Sagah Wee Inn): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili Kerajaan memang ada program untuk membantu petani-petani dalam pembinaan jalan ladang dan ia diperuntukkan dibuat tiap-tiap tahun terpuanglah kepada mereka yang memerlukannya untuk membuat permohonan kepada Jabatan Pertanian. Terima kasih.

RUBBER WOOD PROCESSING PLANTS IN SIBU

(95) **Y.B. Encik David Wong Kee Woan** bertanya kepada Menteri Muda Industri dan Pelaburan:

- a. Have the Government done any study on the proposal to open up licenses and permit is for the setting up of rubber wood processing plants in Sibu?
- b. What plans does the Government have for the Industrial development of Sibu?

Menteri Muda Industri dan Pelaburan (Y.B. Encik Malcolm Mussen Anak Lamoh): Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pelawan. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pelawan pada masa ini tiada kajian spesifik perlu dijalankan untuk mengeluarkan lesen memproses kayu, getah kerana lesen sedia ada tidak membatasi kegiatan tersebut.

In response to the second portion of your question, the Government plans to develop an area about 150 acres for general industries mainly for SME's in Sibul under RMK Eleventh. Since ship building is an important industry in Sibul the Government has approved an area of about 250 acres for the extension of Rantau Panjang industrial eState under RMK Eleventh. This will further boost the industrial development of Sibul as ship building hub of Malaysia. Currently the Ministry is still in the process of upgrading the existing infrastructure of Rantau Panjang Industrial EState Phase 1.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Tuan Speaker I have two supplementary questions. Recently our Chief Minister Yang Amat Berhormat say that Sarawak with our abundant resources especially the wood industry, but our export of timbers and timber products is less than Semenanjung and that's why we need industrialisation in Sibul also in order to compete and my proposal for the processing of rubber wood industry licenses in Sibul is to help to spur the timber based industry but your Ministry is not serious about it. I just asked you to give out license and don't ask Government to come in with billions and billions of investment you know. Are you serious about it?

Menteri Muda Industri dan Pelaburan (Y.B. Encik Malcolm Mussen Anak Lamoh): Thank you Yang Berhormat for Pelawan. I believe you have a lot more information that you need to discuss with me and with my Ministry but in due course all application for the manufacturing permit in Sarawak shall obtain approval from the State Industrial Coordination Committee (ICC) under the Ministry of Industrial Entrepreneur Development subject to the regulation of the relevant agencies and land use as per industrial land. But in the case of a rubber wood processing in addition to the ICC, the main approval required are (i) from Forestry Department which involve timber license to take forest product and second Sarawak Timber Industrial Development Corporation are dealing with mill registration and all the regulation under that and of course the third one Department of Environment for Penilaian Awal Tapak.

But as to our seriousness of the industry this should be a private sector driven depending on whether the investors are willing to put invest the money in the industry that may involve our wood product especially rubber. If there is interest from your constituent or any ambassador on how to move forward with the rubber wood industry, there a lot of technology that may involve gasification technology whereby you can produce same gas for energy use and also if you want to go into biochar, is a product that has to under go pyrolysis meaning decomposition of rubber wood under elevated temperature. Probably in the region of 400 to 500 degrees.

So there are also other use for rubber wood, if we want to go into mushroom cultivation that can be use as rotting medium and apart from that we can also use rubber wood for fuel be it in a pallet form that can be exported to other countries. So that should give you enough insight. Thank you very much.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: (*Soalan Tambahan*) Tuan Speaker, Thank you Menteri Muda. You also understand that there are lot of uses for rubber wood. I am not asking the Government to pump in billions or millions of ringgit. I am asking the Government to open up the licenses to operate. That is the role of the Government isn't it for planning and control that is giving out the licenses. There are investors from Semenanjung Malaysia, from local who want to invest. But if you don't give out licenses how can they operate in Sibul. It is very simple give out licenses to spur developments okay.

Menteri Muda Industri dan Pelaburan (Y.B. Encik Malcom Mussen Anak Lamoh): Thank you very much. I mentioned earlier that you need to apply. There must be some, at least some financial analysis whether it is viable or not. So if you don't apply how can

we give license. My Ministry is willing to issue license for this industry. So you are most welcome to bring up your proposal. Thank you.

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, question time is up.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018), 2017 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PEMBANGUNAN BAGI PERBELANJAAN 2018

Tuan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, the question is that The Supply (2018) Bill, 2017 be read a second time and the motion to refer the Resolution on the Development Estimates 2018 be referred to the Committee of Supply. Ahli-Ahli Yang Berhormat, three days i.e. today, Monday and Tuesday next week are set aside for members to debate on the Supply (2018) Bill, 2017, and the motion to refer the Resolution on the Development Estimates 2018. Ahli Yang Berhormat, under Standing Order 31(8) I hereby impose 20 minutes for any member who wishes to speak today, 15 minutes who speaks on Monday next week. In this regard, I would like to invite members to take the earliest opportunity to speak as shorter time limit will be imposed in view of the time constraint.

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Thank you Tuan Speaker for giving me this opportunity to debate on the budget tabled by the Yang Amat Berhormat Chief Minister. In this budget for the 2018, 70 percent of the fund is allocated for development and 30 percent for ordinary expenditure. This is a good proportion. This is a good proportion of the distribution of the allocation and I am sure that the Ahli Yang Berhormat from Barisan Nasional also take great pride in such a good proportion of distribution of allocation, 70 percent for development and 30 percent for ordinary expenditure. Whilst you praises the State Government for such a good budgeting your praises are also a slap on the face of your Federal Government, Federal counterpart where the Federal budget which was presented by your big boss Najib was only 16 percent for development fund. And you are part of that administration. You are part of that administration, the BN, so you can praise all you want on the State Budget but your praises are a slap on the face of the Federal budget where you are part of the administration. Thank you.

Number 2, despite the announcement of billions of Dollars, billions of Ringgit of allocation and projects and all the praises for the development fund that have been channeled and announced, the true fact is that our people, the common people on the street, common Sarawakian on the streets they are suffering. They are suffering from the escalating costs of living caused by the imposition of GST, depreciation of Ringgit and only yesterday the fuel prices has increased again for consecutive few weeks.

Tuan Speaker, you may say that this is the Federal Government; this is the doing of the Federal Government. But mind you Federal Government, Barisan Nasional would not have become the Federal Government had it not been for the support of the Barisan Nasional Sarawak, so you are an accomplice to the wrong doing of your Federal counterpart. And Tuan Speaker, according to the study of the World Bank on the GNI, Gross National Income per capital of Malaysia, it relates to the fact that the disposable income of the people are shrinking. Let me share with you, share in this House some of the figures, the figures that was announced by the World Bank.

YEAR	GNI PER CAPITAL (US\$)
------	------------------------

2012	10,150
2013	10,760
2014	11,000
2015	10,440
2016	9,850

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Therefore...(*Interruption*)...what is it? This is GNI per capital for Malaysia as a whole and that shows that our people, the disposable income of our people are shrinking. Well, that is the disservice of Barisan Nasional to the people of Malaysia including Sarawak here.

Issue number 3 that I would like to highlight is that the much hype LRT project that was proposed by the Yang Amat Berhormat Chief Minister. I wish to reiterate again that it is not a feasible project for the road of Kuching and Serian. In this place I would like to propose here that the State Government implements free bus service in the major towns of Sarawak to help to ease the transport cost of the people especially the working classes.

I will just share with you an experience in Selangor State Government. The Selangor Government implemented the free bus service. They had 100 free buses to go around to carry commuters for free and they spent only RM20 million a year. So, we proposed here as a pilot project for free buses in Kuching 200 buses for Kuching as a pilot project. The benefit of it is not only to ease the cost of transport for the people. It will ease traffic jam. It will increase the income of the working classes. With more disposable income they will be able to spend and that will stimulate the economy and it will also create jobs.

Besides the free bus service, instead of having LRT, we will propose that the Government should commission the construction of a trans-Sarawak Railway System, a railway system not only to carry passengers but to carry cargoes and this will also in turn reduce the transport cost which is one of the major factors for the high cost of goods in Sarawak.

Issue number 4, the fishermen issue. The fishermen in Kuching area are force to allot their catchers in the Tanjong Bako Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. The facilities were not completed. They were middlemen Ali Baba, middlemen, cronies who charged expensive ice to the fishermen and by forcing these fishermen to allot their catchers in the Tanjong Bako Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, you are adding to their cost of business. At the end of the day we will eat more expensive fishes. You may attribute this to the policy of the Federal Government but Sarawak Government has the jurisdiction over the use of jetties along the Sarawak River. You can allow these fishermen to unload their catches in the Sarawak River, if you wish to.

Issue number 5, Channel Maintenance Recovery Charges. Tuan Speaker, this additional charges on cargoes and containers, they're supposed to be imposed for the maintenance of the deepened Sungai Sarawak channel. However, the dredging project to deepened the Sarawak River has not even started and yet Kuching Port Authority has started to charge this amount. You are charging the shippers, shipping agents for maintenance of something that is not even in existence

I look through the budget here there's a grant of RM8 million for maintenance dredging of Sungai Sarawak. Therefore there is no necessity to charge such a Channel Maintenance Recovery Charges which amounts to about RM 11 million of shipping agents, given the cargo lots of Kuching Port Authority.

Tuan Speaker, this charge was supposed to be implemented in June 2016 but the late Adenan Satem has postponed the charge to 2017, June, on the reason that the dredging project has not commenced. Since the late Adenan Satem has the heart for the people not to burden them with this charge, I would urge the present Yang Amat Berhormat CM to emulate what he has done. In fact, I have written letters to Yang Amat Berhormat the Chief Minister in July this year but I'm sad to say that he has not even have the courtesy to reply my letter.

Issue number 6, there are two items in the budget, which I would call slush fund. One is the RM1.399 billion allocated for agencies approved by the Government, a trust account agency approved by the Government and this money, this fund of roughly RM4 billion is not accountable to the DUN at all. On top of that, there is another RM665 million special fund also not accounted to DUN. These are funds supposedly to be given to Yang Berhormat of all the ADUNs from Barisan Nasional to give out. Why is it so secretive that you do not dare to account to DUN for the disbursement of this account. Is there any hanky panky business behind it? Therefore, out of the RM5 billion development fund that was allocated in this budget, 40% of each, roughly RM2 billion, more than RM2 billion of it can be considered slush fund and that is not good accounting. That is not transparent budgeting.

Issue number 7, our State Minister for Education was complaining in Borneo Post that RM1 billion the RM1 billion for the dilapidated schools in Sarawak is highly insufficient, is highly insufficient. I look through the debate of the Barisan Nasional MPs in Parliament. Most of them only praised the allocation of RM1 billion and that RM1 billion, is to me, allocated over for two (2) years. Therefore, in actual fact, for 2018, it is only RM500 million. You need RM4 billion, you only have RM500 million from Najib. And all your BN MPs have nothing but praises for Najib. I think that says it all while the Minister in Sarawak here have break about, not break about, complain about insufficient fund for dilapidated school what have your MPs done in Parliament? Is just does not make sense or is the Minister try to play hero in Sarawak but your counterpart in Parliament do not dare to speak out the exact truth of the matter and the dull situation in Sarawak?

Issue number 8 is about the Sarawak Energy Berhad's project on of 275kv transmission line of and 500kv transmission line. These transmission lines were run over a lot of land, not only for the construction of the tower but also the cable running over the land. As it is now, the right of way, which refers to be land below the cable. For those lands which fall under the right of way, that is situated under the cable the compensation pay is only affection of the market price of the land. I will propose that the Government should acquire the part of the right of way acquired from the land owner and not to just pay a fraction of the market price of the land, because once you have a cable running over your land, literally your land has no use anymore. You can't build houses, you can plant pot trees only. Therefore, don't encroach take away the right of use of land by the people by just paying a fraction of the market price.

Issue number 9. There are many genuine applications for PR status, permanent resident status in Sarawak. Many are from spouses of Sarawakians, some are born in Sarawak but because their parents did not comply with the technicality of applications for ICs they are stuck with it. I have contacted the immigration office. They said all applications have been processed by the Immigration Office but a lot of the applications are sitting in the office of the State Secretary, pending approval for years. I have here few examples and I hope the Minister concerned can take note:-

Dyvon Amelia – married to a Sarawakian since 1998. Applied for PR status for 12 years and now waiting for approval from SS; Then Siat Lie – married to Sarawakian since 2002. Applied for PR for eight (8) years and now still waiting for approval from SS; And another one Chai Chan Hin – born in Kuching in year 1964 and stayed in Sarawak since birth. As his parents were not Malaysian, he was issued with a temporary IC which expires in 2005. He was advised to apply for an Indonesian passport in 2009 because he did not have a temporarily IC. Since 2005 there is no issuance of temporary IC which he did. Thereafter he applied for PR status from the State Government. In 2015, he started to apply, immigration office told them application has been done, has been processed now sitting with the State Secretary.

I am wondering what is the State Secretary doing? All these genuine applications for PR status. Why you keep them sitting in your office doing nothing? Are you waiting for this applicants to come approach you to give you gratification for what you are supposed to do? This is the only logical conclusion they will come to. Or are you giving SUPP or Barisan Nasional parties opportunity to pretend during election time to try to solve the problem of the people which was created by your administration.

So Tuan Speaker, I wish to have a satisfactory answer on why are all these applications sitting in the office of the State Secretary. The State Secretary may not be able to answer in this House but the Minister in charge must answer and to put on record Yang Berhormat for Pending also have many applications, don't blame the Federal Government agencies, blame on your State Secretary.

Issue number 10, I have look through the allocation for all the Majlis Daerah and Perbandaran. I don't know why, for 2018, Majlis Perbandaran Padawan, despite having his chairman sitting as ADUN here, Batu Kitang, yet Padawan receives the least grant from the Government, only RM300,000.00 out of all the other Majlis Perbandaran. I don't know whether this Batu Kitang not doing his job as a Chairman or too much politicking. Why is it only a mere RM300, 000.00 grant even that Padawan Municipal Council has such a huge population...*(interruption)*

Timbalan Speaker: Yang Berhormat for Kota Sentosa, Yang Berhormat for Kota Padawan.

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Where got Yang Berhormat Kota Padawan.

Timbalan Speaker: Honorable Member for Kota Padawan.

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Batu Kitang

Timbalan Speaker: Sorry, Batu Kitang.

Y.B. Ir Lo Kheng Chiang: Thank you, Tuan Speaker. Thank you Honourable Member for Kota Sentosa. Where did you come up with this RM300,000? We have RM30 million, more than RM30 million allocation allocated to the Padawan Municipal Council. And this year, last year rather, well 2017 is the biggest allocation we had since the past 15 years. And it's because of the positive attitude of this government. I am very disappointed with the Member for Sentosa and also Member for Pending for always picking on SUPP. I hope that through this DUN our people will realise that it is only through SUPP through the government that we can deliver tangible results. Unlike Member for Kota Sentosa and Member for Pending who always do rhetorics. Thank you.

Timbalan Speaker: Ok. You have two minutes to wind up. I give you two extra minutes because of the interruption.

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Thank you, Tuan Speaker. Obviously Yang Berhormat for Batu Kitang has not read through the Budget. It's under Activity 01 under Pihak Berkuasa Tempatan Activity 01 Sub-Activity 0101 Capital Grant to Majlis Perbandaran Padawan RM300,000 it's stated here black and white. Alright all the others like Majlis Perbandaran Sibu RM1.5 million. Capital Grant to Majlis Perbandaran Miri RM500,000. To MD Bau, wah, RM2.3 million. To MD Betong RM1million.

So Tuan Speaker, alright now that Batu Kitang has disclosed that he has so much allocation. But even the road, the Batu Kitang road itself, the name where the kawasan derived from, does not have a proper street lighting facilities. And he was crying every time complaining, not enough fund, not enough fund. Today he is telling us that he has so much fund. My goodness.

Timbalan Speaker: Ok.

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Last issue. Last issue. This is about the Vivacity Apartment purchasers. Purchasers of Vivacity Apartments. They made claims on the late delivery charges. And through their claims, they found out there is something fishy going on between the developer and the council. In the sense that the application for the issuance of occupation permit for the apartment. The application submitted by the Architect was done on 30th May 2017 and the occupation permit was issued on the same day, 30th May 2017. And those purchasers they went on site to have look. They found that a lot of those cables for construction are still there. Live cable for construction are still left in the premises. And the scaffolding has not been dismantled. I would just like the relevant minister to enlighten us whether there is such a super efficient on the part of MBKS for all the cases of application of occupation permit. How can application for occupation permit be issued on the same day when the papers are submitted. The application for it is submitted ... (Interruption)

Timbalan Speaker: Ok. Member for Kota Sentosa, I think your time is up.

Y.B. Encik Chong Chieng Jen: Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Ok. Alright. Yang Berhormat for Lingga.

Y.B. Puan Hajah Simoi Binti Haji Peri: Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 8 November 2017 tempoh hari.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah membentangkan Bajet Negeri 2018 yang berteraskan kesejahteraan rakyat dan intipati yang mampu melonjakkan pembangunan Negeri.

Penekanan secara khusus berkenaan *Digital Economy* dalam bajet kali ini menunjukkan betapa bersungguhnyanya Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk meletakkan Negeri pada paksi yang betul untuk menjadi negara maju.

Secara umumnya, 70% daripada jumlah keseluruhan bajet Negeri adalah untuk pembangunan. Ini selaras dengan hasrat dan Kerajaan Negeri untuk membawa lebih banyak pembangunan dan kemajuan kepada Negeri Sarawak.

Tuan Speaker, bajet ini sudah tentu adalah kesinambungan daripada bajet 2017 yang memperuntukkan lebih daripada 70% daripada jumlah keseluruhan bajet untuk pembangunan seperti yang telah dibentangkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Allahyarham Tok Nan pada tahun lepas.

Daripada 70% bajet untuk pembangunan, 53% diperuntukkan adalah untuk pembangunan luar bandar iaitu RM3.062 billion jika dibandingkan dengan bajet 2017 berjumlah RM2.982 billion di mana peningkatannya sebanyak 80 ribu juta.

Daripada peruntukkan yang melebihi 50% kepada projek pembangunan luar bandar, menunjukkan betapa seriusnya kerajaan Negeri untuk membawa kemajuan kepada kawasan luar bandar.

Ini adalah satu iltizam politik yang berterusan daripada pimpinan Barisan Nasional Negeri untuk membawa negeri kita yang tercinta ini, pembangunan secara *holistic* dan *inklusive* tidak kira di desa maupun di bandar.

Isu Sekolah Daif

Tuan Speaker, Mutakhir ini, isu sekolah daif terutamanya di Sarawak menjadi tumpuan masyarakat. Ini ditambah pula dengan kes lewat siap projek sekolah, seperti Sekolah Pulau Seduku, Sri Aman di kawasan saya. Isu berkenaan sekolah daif ini adalah keperluan mendesak bagi Negeri Sarawak. Menurut laporan media, Sarawak memerlukan RM3 billion untuk membaiki lebih 1000 buah sekolah daif di seluruh Negeri. Kita amat menghargai peruntukkan dari Kerajaan Pusat kerana peka dengan permintaan kita dengan menyalurkan RM1 billion untuk tujuan ini. Tetapi jumlah ini adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Saya mencadangkan agar kerajaan Negeri melihat dan mengkaji seterusnya menyediakan pelan tindakan yang konkrit bagaimana isu sekolah daif ini dapat dibantu walaupun kita sedar isu berkaitan pendidikan adalah perkara Persekutuan.

Kita tidak lagi boleh memperjudikan dan menafikan hak-hak anak kita terutamanya anak-anak luar bandar daripada capaian kemudahan pelajaran yang baik dan selesa. Ingatlah kita semua bahawa pendidikan adalah ubat yang paling mujarab kepada kemiskinan. Untuk mengatasi masalah projek sekolah lewat siap, saya mohon mencadangkan semua peruntukan Persekutuan disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri dan agensi yang berkenaan. Ini akan membolehkan Kerajaan Negeri melalui kementerian dan agensi berkenaan dapat menguruskan projek sekolah dengan lebih efektif dan efisien. Saya berpendapat kita di Sarawak ini lebih faham akan keperluan kita di sini.

Justeru, tindakan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk menubuhkan Bank Pembangunan Sarawak atau *Development Bank of Sarawak* adalah tepat dan sesuai pada masanya memandangkan fokus dan aspirasi Kerajaan Negeri untuk beranjak daripada ekonomi tradisional ke arah ekonomi berasaskan nilai tambah dan pengetahuan serta *Digital Economy*. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memacu ekonomi Negeri kepada ekonomi berimpak tinggi. Kita yakin dengan strategi dan perlaksanaan yang berkhemah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk mengaplikasikan *Digital Economy* yang diyakini bakal menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negeri, menyumbang kepada produktiviti dan inovasi dan membawa kemajuan kepada sosio-ekonomi Negeri dan Negara Malaysia amnya.

Maka hal ini menggalakkan para saintis dan penyelidik untuk membangunkan inisiatif baharu dalam bidang-bidang pendidikan, perubatan dan bioteknologi yang berpotensi dimanfaatkan di peringkat global sekali gus menaikkan imej Sarawak di persada dunia, berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negeri dan negara maju.

Oleh itu, kita amat memuji langkah Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak dan alhamdulillah ianya telah diluluskan dalam dewan yang mulia ini. Sesungguhnya saya dan rakan-rakan dalam BN Bank Backbencher's Club sangat menyokong usaha yang dilakukan ini sekaligus akan membantu Yang Amat Ketua Menteri mempromosikan Digital Economy di kawasan masing-masing bagi memberikan pemahaman langsung kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Belia Dan Latihan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (TVET)

Tuan Speaker, Belia adalah tonggak Negeri, Pembangunan dan pemeraksanaan belia adalah menjadi keutamaan saya. Di kawasan DUN Lingga lebih daripada 51% daripada penduduk di Lingga adalah golongan belia. Beberapa inisiatif yang bakal saya laksanakan adalah Belia Usahawan. Secara umumnya di kawasan Lingga pendapatan penduduk adalah bermusim dan tidak stabil.

Sebagai contohnya musim padi, musim ikan. Kebanyakannya pendapatan mereka adalah tidak tetap dan sangat bergantung dan pasrah kepada alam sekitar. Saya menyeru kepada kementerian dan agensi yang berkenaan untuk memainkan peranan lebih proaktif untuk membantu golongan belia terutamanya di luar bandar melalui program belia usahawan ini. Tidak dinafikan banyak program yang telah dijalankan tetapi bersifat semata-mata program tetapi impaknya sedikit. Program-program yang berbentuk usahawan hendaklah dilaksanakan secara berkala dengan objektif yang jelas.

Sementelahan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita menggalakkan lebih ramai usahawan terlibat dalam Digital Ekonomi belia-belia di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan saya jangan dilupakan. Saya positif, belia-belia di kawasan saya adalah insan yang berbakat jika digilap. Bak kata orang "belakang parang, kalau diasah lagikan tajam".

Oleh itu, Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu diperkasakan di kawasan saya. Dengan erti kata lain, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk membina lebih banyak pusat-pusat kemahiran di Kawasan DUN Lingga. Pusat ini nanti bukan saja terlibat dalam pembelajaran kemahiran dan modal insan atau Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional tetapi juga sebagai pusat sehati untuk pembelajaran Digital Ekonomi.

Bekalan Air Bersih

Rakyat Sarawak pastinya gembira apabila dalam Bajet Negara 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana memperuntukkan sebanyak RM210 juta bagi membiayai bekalan air bersih di Sarawak dan di Sabah. Semestinya peruntukan besar ini sememangnya dialu-alukan memandangkan masih ada kawasan dan tempat di Sarawak masih tidak memunyai bekalan air bersih atau mempunyai masalah penyaluran air bersih. Ini menunjukkan bahawa suara rakyat Sarawak telah didengari oleh Kerajaan Persekutuan dan membolehkan tindakan segera diambil bagi menyediakan keperluan mendesak ini kepada rakyat.

KELULUSAN PROJEK SETEMPAT

Kuasa Projek Kepada Pejabat Daerah

Khususnya di kawasan saya. Ketika ini kuasa dan peranan Pejabat Daerah semakin 'terhakis' apabila kebanyakan kuasa yang seharusnya dipegang Pejabat Daerah telah diberikan kepada Pejabat Residen terutamanya dalam hal berkaitan pemberian atau pemantauan projek kerajaan. Ketika ini Pejabat Daerah tidak mempunyai peranan dalam pemberian atau pelaksanaan projek tetapi sering menerima tempias daripada rakyat apabila sesuatu projek yang dilaksanakan itu tidak menepati syarat atau gagal disiapkan mengikut jadual.

Sebaliknya peranan pemanataan dan pemberian projek ini sebelum dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran khususnya dan dilihat tidak mampu dipikul oleh kedua-dua pegawai mereka di peringkat jabatan. Untuk itu, dicadangkan, saya mencadangkan di sini agar diwujudkan jawatan pegawai jurutera di Pejabat Daerah manakala peranannya diperluaskan sepertimana tugas dan tanggungjawab diberikan kepada JKR dan DID dan sebagainya.

Projek Setempat

Rakyat di kawasan Maludam dan Lingga masih menanti pembangunan yang pernah dijanjikan Mantan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Allahyarham Tun Datuk Patinggi Adenan bin Satem sewaktu kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak Ke-11 yang lalu. Susulan itu, perkara ini telah diajukan kepada pegawai Pejabat Kewangan Negeri Sarawak bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas berhubung dengan projek itu. Ini termasuk projek membina Masjid Maludam, membina Dewan Masyarakat, naik taraf jalan kampung, Klinik Kesihatan dan Balai Polis di Maludam termasuk Riverfront serta rumah kedai di Lingga seperti yang pernah diumumkan akan dapat disegerakan agar wakil rakyat tidak menjadi mangsa keadaan dan dipersalahkan. Difahamkan Tuan Speaker ketika ini projek-projek tersebut masih menunggu kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Jalan Lingga/Sebuyau

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak di atas tindakan dalam memberi keutamaan untuk Projek Jalan Lingga/Sebuyau dengan memasukkannya ke dalam RMK Ke-11. Projek Jalan Lingga/Sebuyau ini merupakan jalan pesisir yang menjadi jalan alternatif kepada penduduk untuk ke destinasi selain Lebuhraya Pan Borneo. Mohon diberi perhatian dalam Bajet 2018 untuk meningkatkan lagi sosio ekonomi penduduk kawasan Lingga dan Sebuyau.

Bekalan Air Bersih

Sebagaimana yang kita sedia maklum dan seperti apa yang saya katakan tadi Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM210 juta kepada Sarawak bagi menyediakan bekalan air bersih pada tahun 2018. Sehubungan itu, saya memohon agar projek bekalan air bersih dengan menukar saluran paip di kawasan Maludam yang dianggarkan kosnya berjumlah RM3 juta dapat dilaksanakan dengan segera demi untuk rakyat. Untuk makluman, perkara ini saya telah suarakan dan dibawa berbincang dengan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar dan mengharapkan agar satu sinar baru dapat diberikan kepada penduduk kawasan Maludam.

Telekomunikasi

Ke arah Sarawak *Digital Economy* pastinya setiap kawasan memerlukan menara dan pancaran telekomunikasi selain bekalan elektrik bagi membolehkan akses kepada internet. Ketika ini liputan telekomunikasi dan internet di kawasan DUN Lingga masih belum memuaskan di mana masih ada kawasan tidak mendapat liputan internet dan ada kawasan yang mempunyai masalah internet yang terhad. Dalam usaha menjadikan rakyat Sarawak ini celik *Digital Economy* pastinya memerlukan kemudahan kelengkapan yang baik dari segi pembinaan menara telekomunikasi dan membolehkan segala urusan yang menggunakan internet dapat diguna pakai.

Masalah Banjir

